

Naza Sasar Jual 600 Unit Citroens Tahun Ini
Bernama
26 Februari, 2013

SHAH ALAM, 26 Feb (Bernama) -- Naza Euro Motors Sdn Bhd, pengedar rasmi kereta Perancis jenama Citroen di Malaysia, menyasarkan menjual 600 unit kereta itu tahun ini.

Ketua Pegawai Operasinya Datuk Samson George berkata dua model yang dilancarkan hari ini, DS4 dan DS5, selain model baharu, yang akan memasuki pasaran Malaysia menjelang separuh kedua tahun ini akan menyumbang kepada merealisasikan sasaran jualan berkenaan, katanya pada sidang media di sini selepas pelancaran dua model berkenaan oleh Duta Besar Perancis Martine Dorance.

Pusat 3S khusus untuk Citroen di Glenmarie juga dilancarkan. Pusat 3S berharga RM3.5 juta itu dilengkapi lapan petak servis dengan keupayaan memberi perkhidmatan servis ke atas 24 kereta sehari.

Kereta buatan Perancis itu membuat kemunculan semula di Malaysia dengan model DS4 dan DS5 selepas Naza Euro dilantik sebagai pengedarnya Januari lepas.

Selain di Glenmarie, Naza Euro juga akan membuka pusat servis yang sama di Juru dan sebuah di Georgetown dan Johor dalam tempoh 10 tahun.

Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Syarikat Naza SM Nasarudin Tan Sri SM Nasimuddin berkata menjelang tahun ketiga operasinya, Naza Euro dijangka menjual 3,000 unit kereta Citroen dan perbelanjaan modal untuk jenama Citroen berjumlah RM10 juta.

Harga atas jalan DS4 ialah RM165,000 manakala DS5 berharga RM195,000.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/bu/newsbusiness.php?id=930574>